

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG)

TARIKH : 17 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9288

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah terkini mengenai penahanan suspek yang terlibat dalam aktiviti keganasan golongan militan Daesh (IS) dan sejauh manakah gerakan fahaman Daesh ini telah dihalang di dalam negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sejak 2013 sehingga 7 Oktober 2016, seramai 255 orang elemen Daesh telah ditangkap di negara ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 64 orang telah dibebaskan manakala baki 21 orang telah diusir.

Berhubung soalan perkembangan gerakan fahaman Daesh pula, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau perkembangan berkait kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira perkembangan ancaman keganasan secara global. Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**

- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing yang ingin memasuki negara ini dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;**
- 4) Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;**
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan**

Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;

- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**
- 7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini.

Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama.